

Negara membangun perlu tentukan hala tuju tanpa terikat kuasa besar

Malaysia tumpu pembukaan pasaran baharu sebagai langkah perkukuh daya tahan ekonomi

Daripada Farah Nabilah Wazer
bhnews@bh.com.my
di Ankara, Turkiye



Negara-negara membangun mesti menentukan sendiri hala tuju tanpa terlalu bergantung kepada kuasa besar dunia, selaras ketidaktentuan geolitik global.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata masa depan sesebuah negara tidak semestinya perlu terikat kepada telunjuk Amerika Syarikat (AS) atau China, sebaliknya memerlukan pendirian strategik yang seimbang, berprinsip dan berpaksikan kepentingan nasional dan serantau.

"Penting bagi negara-negara membangun dan ekonomi sedang pesat membangun untuk menyedari bahawa masa depan kita tidak semestinya terikat kepada telunjuk kuasa besar, sama ada AS atau China," katanya ketika

berucap dalam sesi Syarahan Umum bertajuk 'Power Shift: Strategic Choices for Malaysia and Turkiye' di sini semalam, sempena lawatan rasmi tiga hari beliau ke Turkiye.

Anwar berkata, pendekatan yang diambil oleh Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan selari dengan pendirian Malaysia dalam ASEAN, termasuk ketika negara ini mempengerusi pertumbuhan serantau itu tahun lalu.


Beliau berkata, pendirian strategik itu menekankan pembabit aktif dan agresif dengan kuasa besar dunia demi manfaat negara dan rantau masing-masing, tanpa menafikan potensi besar kerjasama sesama negara membangun.

"Ia pendirian strategik untuk terbabit secara agresif dan aktif demi manfaat negara dan rantau kita melalui hubungan kukuh dengan Amerika Syarikat dan China, pada masa yang sama memahami dan menerima hakikat rantau kita, khususnya Asia Tenggara, mempunyai potensi yang amat besar untuk bekerjasama secara berkesan dalam perdagangan, pelaburan dan semua bidang berkaitan," katanya.

Pasaran baharu

Dalam pada itu, Anwar berkata, Malaysia turut memberi penekanan kepada pembukaan pasaran baharu sebagai langkah memperkukuh daya tahan ekonomi negara dalam menghadapi ketidaktentuan global.

Katanya, Malaysia, seperti Turkiye dalam konteks serantau



Anwar menerima kunjungan hormat Setiausaha Industri Pertahanan Turkiye, Prof Dr Haluk Gorgun (dua dari kanan) sempena hari kedua lawatan rasmi ke Turkiye, semalam.

(Foto BERNAMA)

dan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), kekal menyokong Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebagai asas kepada sistem pelbagai hala yang berkesan.

Pada masa sama, katanya, Malaysia bersedia menyertai inisiatif baharu yang mampu memperkukuh jaringan perdagangan serta kerjasama ekonomi.

"Sebab itulah kami menyertai

inisiatif baharu yang dapat meluaskan hubungan dalam penjaaran perdagangan baharu seperti BRICS dan apa-apa bentuk pengukuhan rangkaian negara Dunia Ketiga," katanya.

Anwar turut menyifatkan BRICS sebagai platform penting dalam membina kerjasama dan pakatan baharu yang berpotensi memberi manfaat jangka panjang kepada negara-ne-

gara membangun.

"Saya menyebut secara khusus BRICS kerana saya, seperti ramai orang lain, berasa teruja dan menyokong keperluan untuk membina kerjasama baharu dan pakatan baharu yang akan memberi manfaat kepada kita," ujarnya.

Anwar dijadual ke Istanbul untuk menghadiri sesi meja bulat bersama syarikat Turkiye, hari ini.